

24.8.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PBAPP MINIMUMKAN PELEPASAN AIR MENTAH DARI EMPANGAN TELUK BAHANG

- **Hujan adalah diperlukan di kawasan tadahan hujan empangan untuk meningkatkan kapasiti efektifnya.**
- **Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan operasi pembenihan awan yang akan dilaksanakan bermula akhir Ogos 2020, untuk mencetuskan hujan di kawasan tadahan air empangan itu.**

PULAU PINANG, Isnin, 24.8.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang.

Kapasiti efektif empangan itu 17.2% pada hari ini, yang cukup untuk menampung 52 hari bekalan air “normal” di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan sekitar Tanjung Bungah. Ini adalah kapasiti efektif terendah yang dicatatkan untuk empangan itu sejak ia mula beroperasi pada tahun 1999.

Dalam tempoh 1.8.2020 – 21.8.2020, kapasiti efektif empangan telah turun daripada 20.0% kepada 17.3%. Ia adalah pengurangan sebanyak 2.7% (atau purata 0.13% sehari), walaupun hanya 68.5mm hujan dicatatkan di kawasan tadahan air empangan itu.

Penurunan kapasiti efektif minimum adalah hasil daripada usaha PBAPP meminimumkan pelepasan untuk “melanjutkan” hari pembekalan empangan selama mungkin. Semakin sedikit pelepasan, semakin lama baki simpanan empangan akan bertahan.

Namun, PBAPP harus memastikan bekalan air yang berterusan di “kawasan pelancong” di utara pulau ini. Untuk memastikan perkhidmatan bekalan air 24/7 di kawasan-kawasan ini, PBAPP masih perlu melepaskan air dari

Empangan Teluk Bahang setiap hari. Kami mungkin tidak menghentikan pelepasan sepenuhnya atau mengheniti tugas empangan, walaupun kapasiti efektifnya sangat rendah.

Hanya hujan yang akan meningkatkan Empangan Teluk Bahang

Empangan Teluk Bahang adalah komponen penting dalam sistem bekalan air yang memberi khidmat kepada sekitar 38,000 pengguna air berdaftar di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan sekitar Tanjung Bungah.

Sejak tahun 1999, Empangan Teluk Bahang telah memainkan peranannya dengan berkesan dalam menyokong bekalan air yang berterusan di kawasan liputannya.

Air mentah yang disimpan di empangan sebenarnya, adalah air hujan yang dikumpulkan dari kawasan tadahan air (hutan lereng bukit) di sekitar empangan.

Sebab utama “status abnormal” Empangan Teluk Bahang hari ini adalah hujan yang rendah dalam tempoh 12 bulan dari 1.8.2019 hingga 31.7.2020. Dalam tempoh ini, jumlah hujan yang dicatat di kawasan tadahan air empangan adalah 4,466 mm. Jumlah hujan ini 30.3% lebih rendah daripada purata hujan 6,411mm untuk tempoh yang sama untuk 3 tahun iaitu pada tahun 2017, 2018 dan 2019.

Oleh itu, kita memerlukan lebih banyak hujan di kawasan tadahan air empangan ini. Ini satu-satunya cara untuk meningkatkan simpanan air mentahnya.

8 operasi pembenihan awan untuk Empangan Teluk Bahang

Atas cadangan PBAPP, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan 8 operasi pembenihan awan di kawasan tadahan air di Empangan Teluk Bahang.

Siri pertama operasi pembenihan awan dijadualkan untuk dilaksanakan sebelum akhir bulan Ogos 2020.

Harus diingat bahawa hasil operasi pembenihan awan bergantung pada keadaan cuaca, terutama kehadiran awan hujan di kawasan yang disasarkan.

Oleh itu, 8 operasi akan dijalankan pada hari-hari di mana keadaan cuaca adalah optimal untuk impak maksimum, dari segi hujan. Operasi itu akan dijalankan oleh syarikat swasta yang disyorkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Objektif utama operasi pembenihan awan adalah untuk segera mengisi simpanan air mentah Empangan Teluk Bahang. Objektif sampingan adalah untuk mencapai kapasiti empangan yang “sihat” atau “selamat” menjelang Disember 2020, sebagai persediaan untuk musim kemarau tahunan berikutnya yang dijangka akan bermula dari Januari 2021.

Dengan operasi pembenihan awan untuk melengkapinya corak hujan semula jadi pada waktu ini, diharapkan Empangan Teluk Bahang akan “pulih” dari kesan teruk perubahan iklim di Pulau Pinang sejak pertengahan 2019.

Gunakan air secara berhemat

Melihat kepada status Empangan Teluk Bahang, PBAPP ingin menasihati semua pengguna air di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan di sekitar Tanjung Bungah untuk jimat menggunakan air.

Elakkan pili air mengalir, siram pokok di halaman dengan hos atau cuci kenderaan setiap hari. Untuk tip jimat air, sila lawati www.pba.com.my.

PBAPP perlukan kerjasama penuh semua untuk menggunakan air secara berhemat sehingga kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang kembali normal.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Email : syarifah@pba.com.my